

# Hasil laut dilelong

Sinar Harian 18/8/2019 m/s 34

**Empat nelayan  
dan dua bot  
kenka ditahan**

NORMAWATI ADNAN

**PARIT BUNTAR**

**E**mpat nelayan tempatan bersama hampir 100 kilogram hasil tangkapan dirampas Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di 6.4 batu nautika berhampiran perairan Kuala Kurau kelmarin.

Dalam operasi sekitar jam 7.30 pagi itu, keempat-empat nelayan berusia antara 50-an hingga 60-an yang menggunakan dua bot pukat kenka didapati menangkap ikan di luar kawasan dibenarkan.

Pengarah Zon Maritim



Empat nelayan tempatan bersama dua bot kenka ditahan kerana melanggar syarat lesen.

Kuala Kurau, Komander Maritim Mohd Sharenliza Ghazali berkata, siasatan lanjut mendapati, pemilik bot tidak mengusahakan sendiri bot itu seperti yang dinyatakan dalam syarat buku lesen.

"Kesemua nelayan ber-

kenaan bagaimanapun telah dilepaskan dengan jaminan polis selepas rakaman percakapan direkodkan.

"Sementara hasil tangkapan sebanyak 40 kilogram udang campur dan 50 kilogram ikan baja dile-

long, kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985," katanya semalam.

Beliau meminta orang ramai untuk terus menyurunkan maklumat bagi membolehkan aktiviti menyalahi undang-undang dapat dibanters sepenuhnya.